



MANUAL TUGAS PENGUATKUASAAN

PENYAKIT SELESEMA BURUNG [AVIAN INFLUENZA]

No. Dokumentasi:
MPVM 1: 1/2017
(Edisi Kedua)

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

ISI KANDUNGAN

Prakata	ii
Kata Pengantar	iii
Pengenalan	4
Skop	5
Definisi	6
Rujukan	7
Kata Singkatan	8
Manual Penguatkuasaan	8
Tugas Penguatkuasaan	8
Peringkat Kesiapsiagaan	8
Peringkat Tindakan Awal	10
Peringkat Tindakan Lanjut	13
Prosedur Pelaksanaan Tugas Penguatkuasaan	16
Peranan Dan Tanggungjawab Petugas	20
Carta Aliran Tugas Penguatkuasaan	21
Jawatankuasa Penyediaan Manual Penguatkuasaan	22
Penghargaan	23
Senarai Lampiran	23
Lampiran A - Perintah Larangan Pemindahan (Serah)[Kes disyaki]	24
Lampiran B - Perintah Larangan Pemindahan (Tampal)[Kes disyaki]	25
Lampiran C - Maklumat Penternak/Pemilik	26
Lampiran D - Perintah Larangan Pemindahan ditarik balik	27
Lampiran E1 - Perintah Pemusnahan (Tampal) – Radius 1 km	28
Lampiran E2 - Perintah Pemusnahan (Serah) – Radius 1km	29
Lampiran F - Perintah Larangan Pemindahan Radius 5 km	30
Lampiran G - Borang Repot Polis	31
Lampiran H - Sekatan Jalan Raya (SJR)	32
Lampiran I - Tatacara Pemeriksaan kenderaan	35



PRAKATA

KETUA PENGARAH

PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Saya ingin merakamkan rasa syukur kehadiran Ilahi dengan limpah dan kurniaNya Manual Penguatkuasaan Penyakit Selesema Burung ini telah dapat dihasilkan dengan jayanya. Semoga manual ini akan dapat meningkatkan kecekapan semua lapisan kakitangan DVS khususnya anggota Penguat Kuasa dalam pengendalian tugas-tugas kawalan penyakit Selesema Burung jika wabak tersebut berlaku di negara Malaysia.

Pihak Penguat Kuasa Veterinar sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dan bertindak pantas dalam pengendalian tugas-tugas kawalan penyakit dengan berkesan. Inisiatif pihak Penguat Kuasa untuk mendokumentasikan segala tugas penguatkuasaan yang perlu dijalankan semasa penyakit Selesema Burung adalah wajar dipuji kerana ia bukan sahaja menjadi panduan pada masa ini malah ia juga akan dapat diguna pakai oleh golongan pelapis dan dapat membantu mereka untuk menjalankan tugas dengan lebih cekap di masa akan datang.

Akhir sekali saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas penghasilan manual ini dan berharap ia akan dapat dimanfaatkan oleh semua warga DVS khususnya anggota Penguat Kuasa untuk menjalankan tugas di lapangan dengan lebih berkeyakinan.

YBHG. DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia

KATA PENGANTAR

PENGARAH

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Puji dan syukur kehadiran Allah yang Maha Esa di atas segala limpah dan rahmatNya sehingga dapat menyelesaikan penyusunan Manual Tugas Penguatkuasaan Penyakit Selesema Burung Edisi Kedua ini dalam bentuk yang sederhana tetapi padat dengan isinya. Edisi ini merupakan penambahbaikan pada edisi pertama dan dimasukkan dengan Prosedur Sekatan Jalan Raya (SJR) serta Prosedur Pemeriksaan Kenderaan.

Tujuan penerbitan manual ini adalah untuk memastikan setiap tugas penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan cepat, cekap dan berkesan agar wabak Selesema Burung dapat dibendung pada peringkat awal lagi. Semoga manual ini dapat dipergunakan sebagai salah satu acuan, petunjuk dan rujukan bagi seluruh warga Penguat Kuasa Veterinar Malaysia dalam pengendalian kes-kes penyakit Selesema Burung.

Harapan saya semoga manual ini dapat membantu untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman bagi para anggota Penguat Kuasa Veterinar Malaysia serta memberi keyakinan kepada mereka semasa menjalankan tugas penguatkuasaan di lapangan nanti.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penerbitan yang telah bertungkus lumus untuk menghasilkan Manual Tugas Penguatkuasaan Penyakit Selesema Burung ini.

Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih dan berharap semoga manual ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga DVS khususnya warga Penguat Kuasa.

YH. DATO' HAJI MOHAMED RADZUAN BIN MALEK
Pengaroh Bahagian Penguatkuasaan

1.0 PENGENALAN

Penyakit Selesema Burung atau Avian Influenza (AI) merupakan sejenis penyakit zoonotik yang sangat merbahaya dan boleh menyebabkan kematian. Penyakit ini semakin merebak di beberapa negara luar dan telah pun merebak di negeri Kelantan. Sememangnya adalah sukar untuk memberi jaminan bahawa ia tidak akan berlaku di negara ini kerana negara Malaysia merupakan negara persinggahan burung-burung yang berhijrah. Memandangkan risiko penyakit AI yang terlalu tinggi, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya penyakit AI di negara ini. Bagi maksud tersebut beberapa siri simulasi penyakit AI telah diadakan oleh beberapa DVS negeri.



Simulasi AI



Bahagian Penguatkuasaan Veterinar juga sentiasa peka terhadap kewujudan penyakit ini dan sebagai satu langkah kesiapsiagaan, pihak Penguat Kuasa telah berusaha untuk menghasilkan sebuah Manual Penguatkuasaan Penyakit Selesema Burung. Manual ini dihasilkan bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh semua lapisan kakitangan DVS khususnya anggota Penguat Kuasa semasa menjalankan tugas penguatkuasaan untuk menangani penyakit AI di negara ini.

2.0 SKOP

Manual Penguatkuasaan Penyakit Selesema Burung dihasilkan untuk dijadikan panduan semasa menjalankan tugas di lapangan dan manual ini meliputi aspek:

2.1 Persediaan

Persediaan sepanjang masa untuk bertindak jika penyakit AI berlaku dan ia merangkumi kesiapsiagaan dari segala keperluan termasuk maklumat asas penguatkuasaan, data industri ternakan, peralatan dan logistik, peta kawasan kejadian dan lain-lain.



Peralatan Operasi

2.2 Prosedur Kerja Penguatkuasaan

Manual tugas penguatkuasaan ini meliputi Prosedur Kerja dari mulanya sesuatu kes penyakit AI disyaki dikesan sehingga selesai proses pemusnahan dan pemantauan berterusan sehingga negeri tersebut diisytiharkan bebas penyakit AI.

2.3 Perundangan

Manual ini mengandungi segala undang-undang berkaitan pelaksanaan tugas penguatkuasaan dan contoh format perintah-perintah yang perlu digunapakai semasa berlakunya penyakit AI serta maklumat berkaitan pewartaan kawasan berpenyakit.

3.0 DEFINISI

3.1 Penyakit Selesema Burung (AI)



Penyakit ini tergolong dalam kategori penyakit 'fowl plague' menurut tafsiran di bawah Seksyen 2 AB 1953 [Akta 647]. Penyakit ini juga dinamakan sebagai Highly Pathogenic Avian Influenza (HPAI) atau Avian Influenza (AI). Ia dikategorikan mengikut 'subtype' penyakit tersebut.

Penyakit ini tergolong dalam senarai penyakit wajib lapor. Ia merupakan sejenis penyakit zoonotik yang berlaku di kalangan burung dan boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia.

3.2 Kes disyaki

Terdapat tanda-tanda kematian burung dalam kadar yang tinggi. Terdapat juga tanda-tanda lain pada burung seperti kemurungan, masalah pernafasan, masalah peneluran, cirit dan tanda-tanda klinikal lain seperti palung berwarna merah, bengkak pada bahagian kepala dan lain-lain.

Ujian lanjut perlu dijalankan di Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) untuk pengesahan penyakit AI.



Kematian Ayam

3.3 Burung

Menurut AB 1953 [Akta 647], maksud burung adalah termasuk ayam, itik, angsa, ayam belanda, ayam mutiara dan merpati daripada apa-apa umur atau jantina dan telurnya.

3.4 Pemantauan

Merupakan tindakan penguatkuasaan di kawasan indeks penyakit AI dan dalam kawasan radius 5km (ditentukan oleh Pengarah) daripada indeks penyakit untuk memastikan tiada aktiviti pemindahan burung dijalankan dan Perintah Larangan Pemindahan dipatuhi.

3.5 Operasi

Merupakan tindakan penguatkuasaan yang merangkumi tugas-tugas penyerahan perintah-perintah larangan, bantuan semasa operasi pemusnahan dengan menangani kes-kes halangan atau keengganan dan tindakan mengambil kes.

3.6 Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit am atau jangkitan. Empat elemen penting dalam indeks ini ialah lokasi, burung, penyakit dan masa.

4.0 RUJUKAN

- 4.1 Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006) [Akta 647] dan Akta Binatang 1953 (Pindaan) 2013 [Akta A1452]
- 4.2 Manual Prosedur Menangani Wabak Penyakit Influenza Unggas sangat Patogenik
- 4.3 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- 4.4 Protokol Veterinar Malaysia

5.0 KATA SINGKATAN

AB	-	Akta Binatang 1953 (Semakan - 2006) & (Pindaan) 2013
AI	-	Avian Influenza
DVS	-	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
RAT	-	Rapid Action Team
SEK	-	Seksyen
SJR	-	Sekatan Jalan Raya
VRI	-	Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh
PPE	-	Personal Protective Equipment
KPVN	-	Ketua Penguat Kuasa Veterinar Negeri
PENGARAH	-	Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri

6.0 MANUAL PENGUATKUASAAN

Manual penguatkuasaan ini dihasilkan bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh semua kakitangan DVS khususnya anggota Penguat Kuasa Veterinar bagi melancarkan tugas penguatkuasaan jika penyakit AI tercetus di negara ini. Panduan ini akan memudahkan pelaksanaan segala tugas penguatkuasaan secara pantas dan berkesan dengan menepati lunas undang-undang dan dasar-dasar DVS yang ditetapkan.

7.0 TUGAS-TUGAS PENGUATKUASAAN

Keseluruhan tugas penguatkuasaan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Peringkat Kesiapsiagaan, Peringkat Tindakan Awal dan Peringkat Tindakan Lanjut.


7.1 Peringkat Kesiapsiagaan

Peringkat kesiapsiagaan ini meliputi segala tugas penguatkuasaan dari peringkat persediaan sebelum penyakit AI melanda sehingga bermulanya sesuatu aktiviti operasi bagi menangani penyakit tersebut.

Ia termasuk penyediaan peralatan operasi dan logistik, peralatan keselamatan, dokumen-dokumen berkaitan, perintah-perintah, data industri ternakan terkini, maklumat asas terkini, kajian keperluan pewartaan, deraf pewartaan, alat komunikasi, panduan atau manual penguatkuasaan dan perancangan operasi serta lain-lain keperluan yang diambil kira dalam pelaksanaan tugas penguatkuasaan:

Tindakan-tindakan di bawah peringkat kesiapsiagaan adalah seperti berikut:

- 7.1.1 Penyediaan logistik, peralatan, kenderaan dan lain-lain bagi tujuan operasi dan SJR.
- 7.1.2 Penyediaan dokumen-dokumen seperti Borang-borang operasi, Perintah untuk ditampal, dan diserahkan dan lain-lain.
- 7.1.3 Mendapatkan data dan maklumat asas di kawasan indeks penyakit AI (mengikut Radius, Taburan Penternakan dan lain-lain).
- 7.1.4 Mendapatkan maklumat agensi-agensi lain yang berkaitan seperti Balai Polis, Pejabat Daerah & Tanah, Penghulu dan lain-lain).
- 7.1.5 Menyemak warta sedia ada dan keperluan penggunaan kuasa-kuasa dibawah Sek. 18 & 19 AB 1953 dan mengkaji keperluan pewartaan baru mengikut kawasan dan syarat-syarat yang perlu dikenakan untuk mengawal penyakit AI.
- 7.1.6 Memperolehi peta kawasan indeks penyakit AI.
- 7.1.7 Penyediaan alat Komunikasi seperti 'walkie talkie', telefon bimbit atau lain-lain.



Alat Komunikasi semasa operasi

- 7.1.8 Penyediaan Manual / Panduan tugas penguatkuasaan penyakit AI untuk dijadikan rujukan bagi pelaksanaan tugas-tugas kawalan penyakit secara berkesan.

- 7.1.9 Merancang operasi dan perancangannya termasuk jumlah bilangan keperluan anggota, keperluan anggota tambahan, bilik gerakan dan dana.
- 7.1.10 Penyediaan Jadual Operasi dengan mengambil kira bilangan anggota yang sedia ada dan merangkumi tugas operasi, pemantauan, SJR dan bantuan dalam operasi pemusnahan.
- 7.1.11 Menyampaikan taklimat kepada semua petugas operasi mengenai pelaksanaan operasi, tatacara pemakaian PPE dan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan operasi.




Taklimat Operasi

7.1 Peringkat Tindakan Awal

Peringkat Tindakan Awal bermula setelah menerima maklumat awal berkaitan kes disyaki penyakit AI. Seterusnya disusuli dengan tindakan tugas penyerahan dan penampalan Perintah Larangan Pemindahan sementara, perolehan maklumat pemilik, bantuan keselamatan kepada pasukan RAT dan pemantauan berterusan sehingga Perintah Larangan Pemindahan sementara ditarik balik jika keputusan ujian makmal adalah negatif.

Tindakan-tindakan di bawah peringkat tindakan awal adalah seperti berikut:

- 7.2.1 Menerima maklumat awal mengenai kes disyaki berlaku AI dan mendapatkan pengesahan mengenainya daripada Pengarah atau Ketua Bahagian Kesihatan DVS Negeri.
- 7.2.2 Berbincang dengan Pengarah mengenai keperluan larangan pemindahan di kawasan indeks penyakit dan perkara-perkara yang hendak dikawal.
- 7.2.3 Bergerak ke lokasi indeks penyakit AI.
- 7.2.4 Menyerah dan memberi penerangan tentang Perintah Larangan Pemindahan Sementara di bawah Sek. 18 AB 1953 atau warta penyakit AI kepada penternak / pemilik dan seterusnya menampal Perintah Larangan Pemindahan di kawasan indeks penyakit AI.



Penyerahan Perintah Larangan Pemindahan



7.2.5 Mengepung kawasan atau premis indeks penyakit dengan pita penghadang.



7.2.6 Memberi bantuan dan kawalan keselamatan kepada pasukan RAT semasa pengambilan sampel.



7.2.7 Menjalankan pemantauan di kawasan indeks penyakit sehingga keputusan ujian makmal yang sah diperolehi.

7.3 Peringkat Tindakan Lanjut

Peringkat Tindakan Lanjut merupakan tugas yang perlu dijalankan berasaskan keputusan ujian makmal yang berkeputusan negatif atau positif.

Jika keputusannya negatif maka Perintah Larangan Pemindahan sementara ditarik balik.

Jika keputusannya positif maka skop tugas penguatkuasaan adalah meliputi penyerahan dan penampalan Perintah Pemusnahan dalam radius 1km dan Perintah Larangan Pemindahan dalam radius 5km serta menjalankan pemantauan bagi memastikan tiada pemindahan burung atau karkasnya berlaku.

Mengadakan SJR di laluan-laluan yang strategik sehingga selesai operasi pemusnahan atau negeri diisytiharkan bebas penyakit AI atau sebagaimana yang dikehendaki.

Pasukan Penguat Kuasa memberi bantuan kepada pasukan pemusnah jika terdapat kes-kes menghalang atau keengganan pemilik/ mana-mana pihak yang tidak memberikan kerjasama semasa operasi pemusnahan dan pemantauan dilaksanakan.

Pemantauan akan dijalankan secara berterusan sehingga negeri diisytihar bebas penyakit AI.

Tindakan-tindakan di bawah peringkat tindakan lanjut adalah seperti berikut :

7.3.1 Jika Keputusan Negatif

- Menerima keputusan ujian makmal dan mendapatkan pengesahan keputusan tersebut (negatif/ positif).
- Menarik balik Perintah Larangan Pemindahan.

7.3.2 Jika Keputusan Positif

- Membantu Bahagian Regulatori untuk pewartaan kawasan berpenyakit menurut subseksyen 36(1) AB 1953 (jika perlu).

- Menampal Perintah Pemusnahan dalam 1km radius (Sek 19 / warta Selesema Burung di subseksyen 36(1) AB 1953.
- Menampal Perintah Larangan Pemindahan dalam radius 5km.
- Mengurus dan mendirikan SJR di lokasi strategik dengan bantuan polis dan agensi-agensi lain.
- Menjalankan pemantauan di kawasan penyakit dalam radius 5km.
- Menyerah Perintah Pemusnahan kepada pemilik dalam radius 1km sebelum proses pemusnahan dijalankan. Perlu memakai pakaian PPE semasa tugas ini dijalankan.
- Memberi bantuan kepada pasukan pemusnah jika terdapat kes gangguan atau kengangan untuk berkerjasama dan lain-lain).




Menampal perintah larangan pemindahan



Sekatan Jalan Raya (SJR)



Bantuan Operasi Pemusnahan



Proses Sucihamu (Disinfection)

- Melupuskan pakaian PPE dan mencuci hama peralatan dan kenderaan Penguat Kuasa di lokasi indeks penyakit.
- Menanggalkan Perintah-perintah yang tidak berkaitan.
- Membawa balik segala peralatan yang boleh diguna semula.
- Bergerak ke Bilik Gerakan / Operasi dan mencuci hama sepenuhnya semua peralatan dan seluruh tubuh badan.
- Membantu Ketua Pasukan Pemusnahan untuk membuat Laporan Polis berkaitan jumlah bilangan pemusnahan di penghujung operasi pemusnahan pada setiap hari.
- Menjalankan Post-Mortem keseluruhan operasi dan menyediakan satu laporan khas kepada Pengarah Bahagian Penguatkuasaan.

8.0 PROSEDUR PELAKSANAAN TUGAS PENGUATKUASAAN

Berikut adalah prosedur pelaksanaan tugas-tugas penguatkuasaan yang perlu dijalankan semasa menangani penyakit AI.

- 8.1 Menerima maklumat daripada Pengarah / Ketua Bahagian Kesihatan DVS Negeri mengenai penyakit AI yang disyaki berlaku di sesuatu tempat dan meminta Anggota Penguat Kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan.
- 8.2 Mendapatkan pengesahan mengenai kes yang disyaki AI dan mengumpul maklumat lanjut berkaitan kes tersebut. Berbincang dengan Pengarah DVS/ Ketua Bahagian Kesihatan DVS Negeri mengenai tindakan kawalan yang perlu dijalankan. Dapatkan persetujuan untuk tindakan penyerahan Perintah Larangan Pemindahan ke atas premis/ ladang yang disyaki berlaku penyakit AI.
- 8.3 Satu pasukan Penguat Kuasa bergerak bersama-sama dengan pasukan RAT atau bergerak secara berasingan ke lokasi indeks penyakit dengan kelengkapan keselamatan dan berada di luar kawasan yang disyaki AI.

Bertemu dengan penternak atau pemilik burung yang disyaki berpenyakit AI dan menyerahkan Perintah Larangan Pemindahan sementara [Subsek. 18(2) AB 1953] (Lampiran A) dan menampal Perintah Larangan Pemindahan sementara (Lampiran B) di kawasan premis yang disyaki.

Kandungan Perintah Larangan Pemindahan sementara turut dibaca dan diterangkan kepada penternak / pemilik. (Perintah melarang tiada burung atau karkas dibawa keluar dari ladang / premis yang disyaki ataupun dibawa masuk ke dalam ladang / premis tersebut tanpa kebenaran Pengarah sehingga arahan selanjutnya dikeluarkan. Pengarah hendaklah menentukan samada pemindahan keluar dan masuk atau pemindahan keluar sahaja yang hendak dilarang. Begitu juga dengan larangan terhadap burung dan karkasnya atau burung sahaja yang hendak dikawal).

- 8.4 Mengepung kawasan atau premis yang disyaki berlaku penyakit AI dengan pita penghadang untuk menghalang pergerakan pihak yang tidak berkaitan dan memudahkan urusan pengambilan sampel oleh pasukan RAT.
- 8.5 Mendapatkan maklumat lanjut berkaitan ladang / premis yang disyaki (Lampiran C).

- 8.6 Memberi bantuan kawalan keselamatan kepada pasukan RAT yang menjalankan tugas pengambilan sampel.
- 8.7 Menjalankan pemantauan di sekitar kawasan ladang / premis yang disyaki berlaku penyakit AI supaya tiada pemindahan burung atau karkas dilakukan dalam masa Perintah Larangan Pemindahan sementara berkuatkuasa. Pemantauan berterusan dijalankan sehingga keputusan makmal dan arahan untuk tindakan selanjutnya diperolehi.
- 8.8 Menerima keputusan rasmi penyakit AI ke atas ladang / premis yang disyaki dan jika:

- 8.8.1 Keputusan Negatif

Menarik balik (Lampiran D) Perintah Larangan Pemindahan sementara dan menanggalkan semua perintah yang ditampal dan membuka kepungan kawasan.

- 8.8.2 Keputusan Positif

Tindakan-tindakan berikut dijalankan:

- Membantu Bahagian Regulatori DVS untuk membuat pewartaan kawasan yang dijangkiti penyakit AI di bawah subseksyen 36(1) AB 1953 jika perlu. (Sek. 18 & 19 AB 1953 digunakan sementara mendapatkan pewartaan di bawah Sek. 36 AB 1953).
- Pewartaan perlu mengambil kira faktor-faktor seperti kawasan yang hendak dikawal, perkara-perkara yang hendak dikawal dan syarat-syarat yang hendak dikenakan (ditentukan oleh Pengarah).
- Perkataan yang bertepatan bagi maksud penyakit AI juga perlu diberi perhatian khusus dalam sesuatu pewartaan.
- Menyerahkan Perintah Pemusnahan Sek. 19 AB 1953 (Lampiran E2 - Serah) kepada penternak dan pemilik burung dalam radius 1km daripada kawasan indeks penyakit AI dengan menerangkan maksud perintah tersebut.

Menampal perintah tersebut (Lampiran E1 -Tampal) dalam radius 1km kawasan indeks penyakit AI.

- Menampal Perintah Larangan Pemindahan burung dan karkas dalam radius 5km kawasan lokasi indeks penyakit AI (Lampiran F).
- Mengurus dan mengadakan SJR bersama anggota polis/ RELA / agensi lain di lokasi-lokasi yang strategik (Lampiran G & H)
- Mengadakan Pemantauan / Rondaan di laluan-laluan utama dalam radius 5km kawasan indeks penyakit.

8.9 Prosedur kerja Semasa Perlaksanaan Operasi Pemusnahan:

- Anggota Penguat Kuasa berpakaian PPE bergerak untuk menyerah dan membacakan kandungan Perintah Pemusnahan sebelum sesuatu operasi pemusnahan dijalankan.
- Menyerahkan Perintah pemusnahan semua burung dan karkas di kawasan wabak AI kepada pemilik burung yang dijangkiti dan pemilik burung dalam radius 1km. [Sek. 19 AB 1953] (Lampiran E1 - Tampal dan Lampiran E2 - Serah).
- Memberikan bantuan kepada pasukan pemusnah jika terdapat sebarang masalahmendapatkan bantuan polis jika perlu.
- Membuang dan melupuskan semua pakaian PPE di lokasi indeks penyakit AI bersama anggota pasukan pemusnah selepas tamat operasi pemusnahan.
- Mencuci hama 'disinfection' peralatan dan kenderaan Penguat Kuasa di lokasi indeks penyakit selepas tamat operasi pemusnahan dan membawa balik peralatan yang boleh diguna semula.
- Bergerak balik ke Bilik Gerakan/ Operasi dan sucihama sepenuhnya semua peralatan termasuk seluruh tubuh badan.
- Mendapatkan bilangan jumlah unggas yang dimusnahkan pada penghujung operasi pemusnahan pada setiap hari dan membantu Ketua Pasukan Pemusnahan untuk membuat Laporan Polis (Lampiran G).


8.10 Laporan dan Post-Mortem

Menyediakan laporan operasi keseluruhan dan menjalankan post-mortem ke atas keseluruhan perjalanan tugas penguatkuasaan untuk memperbaiki segala kelemahan di masa akan datang.

9.0 PERANAN / TANGGUNGJAWAB PETUGAS PENGUATKUASAAN

BIL.	PETUGAS	PERANAN / TANGGUNGJAWAB
1	Ketua & Penyelia Operasi	Menyelia keseluruhan operasi AI Menerima arahan daripada Pengarah/ Ketua Bahagian Kesihatan DVS Mengarahkan operasi dimulakan Memantau keseluruhan operasi dan menyampaikan maklumat terkini operasi dari semasa ke semasa Memberikan bantuan operasi Membantu untuk pewartaan kawasan wabak Membantu untuk penyediaan perintah-perintah Mengadakan Post-mortem
2	Pegawai Operasi & Pasukan Operasi (Pemantauan / Serah Notis / Tampil Notis/ Bantuan Operasi Pemusnahan)	Menyediakan perintah-perintah berkaitan Menguruskan bantuan polis /agensi lain Menerima arahan daripada KPVN Mengerakkan anggota operasi Menyerah Perintah Penahanan Sementara Mendapatkan maklumat pemilik premis / ladang Mengadakan pemantauan di sekitar kawasan / premis yang diberi Perintah Penahanan Sementara supaya tiada pemindahan berlaku Menarik balik Perintah Penahanan Sementara jika keputusan negatif Menampal Perintah Pemusnahan dalam radius 1km Menampal Perintah Larangan Pemindahan Unggas dalam radius 5km Menyerah dan menerangkan Notis Pemusnahan kepada pemilik burung dalam radius 1km Membantu dalam kes-kes keengganan / menghalang dan mendapatkan bantuan polis jika perlu Mengadakan pemantauan di laluan-laluan dalam radius 5km Membantu membuat Laporan Polis selepas tamat operasi pemusnahan. Menyiasat aduan-aduan berkaitan HPAI yang diterima
3	Pasukan SJR	Mengenalpasti lokasi dan mengadakan SJR Mengadakan perbincangan bersama pihak Polis/ Rela untuk SJR Mengadakan SJR bersama anggota Polis/ Rela di lokasi strategik
4	Bilik Gerakan Penguat Kuasa	Menerima aduan Mengemaskini maklumat dan laporan Mengedarkan maklumat terkini kepada petugas

10.0 CARTA ALIRAN TUGAS PENGUATKUASAAN SEMASA WABAK AI



11.0 JAWATANKUASA PENYEDIAAN MANUAL TUGAS PENGUATKUASAAN PENYAKIT SELESEMA BURUNG

PENAUNG

Dato' Hj. Mohamed Radzuan Bin Malek

PENASIHAT

En. Zaharinan Bin Abd Aziz

Tn. Hj. Jamadi Bin Badri

PENYELARAS

En. Subramanian a/l Ellappan

SEKRETARIAT PENERBITAN

En. Loganathan a/l Armom (Pengerusi)

En. Mohammad Nizam Bin Abdullah

En. Mohd Zamri Bin Shak@Ishak

En. Fazlizan Bin Ishak Khan

Pn. Hjh. Roba'atulalialiah binti Mohd

Pn. Suriani Binti Mansor

En. Mohd Shariff Bin Sabran

En. Muhammad Hafiz Bin Mohd Ramli

En. Zairol Hisham Bin Abu Hassan

En. Roziman Bin Awang Tahrin



12.0 PENGHARGAAN

1. Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia
2. Penguat Kuasa Veterinar Pulau Pinang
3. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang
4. Penguat Kuasa Veterinar Kelantan
5. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan
6. Semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung



13.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	- Perintah Larangan Pemindahan (Serah)
Lampiran B	- Perintah Larangan Pemindahan (Tampal)
Lampiran C	- Maklumat Penternak / Pemilik
Lampiran D	- Perintah Larangan Pemindahan ditarik balik
Lampiran E1 (Tampal)	- Perintah Pemusnahan – Radius 1km
Lampiran E2 (Serah)	- Perintah Pemusnahan – Radius 1km
Lampiran F	- Perintah Larangan Pemindahan – Radius 5km
Lampiran G	- Borang Repot Polis
Lampiran H	- Sekatan Jalan Raya (SJR)
Lampiran I	- Tatacara Pemeriksaan kenderaan

Perintah Larangan Pemindahan (Serah) - Kes disyaki

KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI ASAS TANI

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BLOK PODIUM 4G1,
WISMA TANI, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6021
Email : pro@dvs.gov.my



Ruj. Kami :PKPP/197/720/10/3(21)

Kepada:
(Pemilik / Orang yang bertanggungjawab)
(alamat ladang)

**PERINTAH LARANGAN PEMINDAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS OLEH PIHAK
BERKUASA VETERINAR MENGIKUT KEHENDAK SUBSEKSYEN 18(2) AKTA BINATANG 1953
(Akta 647)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa binatang, burung atau karkas di ladang temakan tuan/puan disyaki dijangkiti penyakit Selesema Burung. Bagi tujuan ujian dan pemeriksaan veterinar, pihak tuan/puan dengan ini diperintah untuk tidak memindahkan binatang, burung atau karkas tersebut kecuali dengan KEBENARAN BERTULIS daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- Kegagalan tuan/puan untuk mematuhi perintah ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta Binatang 1953 (Akta 647).
- Kerjasama tuan/puan untuk mematuhi Perintah ini amatlah diharapkan bagi mengekang penularan penyakit haiwan demi memastikan kesihatan haiwan terjamin ke arah pembangunan industri haiwan yang kondusif.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.
Bilangan unggas di ladang/premis

BIL	JENIS	BILANGAN
1	Ayam	
2	Itik	
3	Puyuh	
4	Burung	
5	Telur	
6	Lain-lain (nyatakan)	

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR.)
Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri

AKUAN PENERIMAAN

Saya No. K/P sebagai pemilik / wakil
ladang dengan ini mengakui telah menerima perintah
penahanan sementara ini pada jam am/pm.
(.....)

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
SERVING YOU IS OUR BUSINESS

Lampiran B

Perintah Larangan Pemindahan (Tampal) - Kes disyaki



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BLOK PODIUM 4G1,
WISMA TANI, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6021
Email : pro@dvs.gov.my



Ruj. Kami :PKPP/197/720/10/3(41)

**PERINTAH LARANGAN PEMINDAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS
OLEH PIHAK BERKUASA VETERINAR MENGIKUT KEHENDAK SUBSEKSYEN
18(2) AKTA BINATANG 1953 (Akta 647)**

Dimaklumkan bahawa binatang, burung atau karkas di ladang ternakan di kawasan ini disyaki dijangkiti penyakit Selesema Burung. Bagi tujuan ujian dan pemeriksaan veterinar, adalah dengan ini diperintah untuk tidak memindahkan binatang, burung atau karkas dikawasan ini kecuali dengan **KEBENARAN BERTULIS** daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri

Kegagalan tuan/puan untuk mematuhi perintah ini merupakan satu kesalahan di bawah Akta Binatang 1953 (Akta 647).

Kerjasama untuk mematuhi Perintah ini amatlah diharapkan bagi mengekang penularan penyakit haiwan demi memastikan kesihatan haiwan terjamin ke arah pembangunan industri haiwan yang kondusif.

Sekian, terima kasih.

Dengan perintah,

Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri

Tarikh :

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
SERVING YOU IS OUR BUSINESS

Maklumat Penternak/ Pemilik



PENGUATKUASA VETERINAR NEGERI
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
NEGERI PULAU PINANG
BUKIT TENGAH,
14000 BUKIT MERTAJAM,
PULAU PINANG




Telefon : 04-5084879
Faks : 04-5084879

BORANG SOAL SIASAT PEMILIK UNGGAS

1. Nama Pemilik :
- No. K/P :
2. Alamat :
3. Alamat Syarikat :
- (Jika Ada) :
4. Jenis Ternakan/Unggas :
5. Jumlah ternakan/Unggas semasa:
6. Sistem penternakan:

☐ a)Reban

☐ b)Lepas bebas

☐ c)Lain-lain (Sila nyatakan):
7. Maklumat Penyembelihan:
8. Maklumat Jualan :

☐ a)HarianEkor

☐ b)PusinganEkor

☐ b)Lain-lainEkor
9. Sumber bekalan stok :
10. Pembeli bekalan stok :
11. Tarikh kematian yang banyak :
12. Cara dilupus:
13. Tarikh dimaklumkan kepada pihak berkuasa :

Tandatangan Pemilik

.....

Nama :

Tarikh :

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
SERVING YOU IS OUR BUSINESS



Lampiran D

Perintah Pemindahan Ditarik balik



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BLOK PODIUM 4G1,
WISMA TANI, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6021
Email : pro@dvs.gov.my



Ruj. Kami : JPV:PKPP/197/720/10/3(42)
Tarikh :

Kepada:
(Pemilik / Orang yang bertanggungjawab)

.....
.....
.....

**PERINTAH LARANGAN PEMINDAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS
OLEH PIHAK BERKUASA VETERINAR MENGIKUT KEHENDAK SUBSEKSYEN 18(2)
AKTA BINATANG 1953 (Akta 647)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa perintah di atas bertarikh ditarik
balik berdasarkan keputusan negatif ke atas ujian yang telah dijalankan.

3. Kerjasama dari tuan / puan dalam mematuhi perintah tersebut amatlah dihargai dan diucapkan
terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR.)
Pegawai Perkhidmatan Veterinar
Negeri

AKUAN PENERIMAAN

Saya NO. K/p sebagai pemilik / wakil
ladang dengan ini mengakui telah menerima arahan
penarikan balik perintah penahanan sementara ini pada jam
am/pm.

(.....)

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
SERVING YOU IS OUR BUSINESS

Perintah Pemusnahan – Radius 1km (Tampal)



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
BLOK PODIUM 4G1,
WISMA TANI, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

Telefon : 03-8870 2000
Faks : 03-8888 6021
Email : pro@dvs.gov.my



Ruj. Kami : PKPP/197/720/10/3(43)

**PERINTAH PEMUSNAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS DI LADANG
MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 19 AKTA BINATANG 1953 (SEMAKAN – 2006)**

Adalah dimaklumkan bahawa binatang, burung atau karkas di kawasan ini didapati telah dijangkiti penyakit Selesema Burung. Sehubungan dengan itu semua binatang, burung atau karkas di dalam ladang / premis dikawasan ini akan dimusnahkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Tuan / puan juga diperintahkan untuk tidak melakukan perkara-perkara berikut kecuali dengan kebenaran daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri

- Tidak memindah keluar dan masuk apa-apa binatang, burung atau karkas dan bangkai hasilnya dari serta hasilnya dari ladang / premis berkenaan.
- Tidak menjalankan sebarang aktiviti penyembelihan binatang atau burung di kawasan ini.
- Tidak membawa keluar apa-apa peralatan, perkakasan, makanan ternakan dan apa-apa benda yang digunakan bagi maksud penternakan dari ladang / premis berkenaan.
- Tidak membawa keluar kenderaan yang digunakan bagi maksud penternakan dari ladang / premis berkenaan.
- Tidak memasuki ladang / premis berkenaan.
- Tidak membenarkan pekerja tinggal di ladang / premis berkenaan.

Perintah larangan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh notis ini dikeluarkan sehingga satu tempoh yang akan diberitahu kelak. Kegagalan untuk mematuhi perintah ini boleh menyebabkan tuan / puan dikenakan tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

Dengan perintah,

**Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Negeri**

Tarikh :

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
SERVING YOU IS OUR BUSINESS

Lampiran E2

Perintah Pemusnahan – Radius 1km (Serah)

 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI BLOK PODIUM 4G1, WISMA TANI, PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA	 Telefon : 03-8870 2000 Faks : 03-8888 6021 Email : pro@dvs.gov.my
--	---	--

Ruj. Kami : PKPP/197/720/10/3(44)
 Tarikh :

Kepada:
 (Pemilik / Orang yang bertanggungjawab)

**PERINTAH PEMUSNAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS OLEH PIHAK BERKUASA VETERINAR
 MENGIKUT KEHENDAK SEKSYEN 19 AKTA BINATANG 1953 (Akta 647)**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa binatang, burung atau karkas di ladang / premis tuan didapati telah dijangkiti oleh penyakit Selesema Burung. Sehubungan dengan itu semua binatang, burung atau karkas di ladang / premis berkenaan akan dimusnahkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar.
- Tuan / puan juga diperintahkan untuk tidak melakukan perkara-perkara berikut kecuali dengan kebenaran daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri:
 - Tidak memindah keluar dan masuk apa-apa binatang, burung atau karkas dan bangkai serta hasilan binatang dari ladang / premis berkenaan.
 - Tidak menjalankan sebarang aktiviti penyembelihan binatang atau burung di kawasan ini.
 - Tidak membawa keluar apa-apa peralatan, perkakasan, makanan ternakan dan apa-apa benda yang digunakan bagi maksud penternakan dari ladang / premis berkenaan.
 - Tidak membawa keluar kenderaan dari ladang / premis berkenaan bagi maksud penternakan dari ladang / premis berkenaan.
 - Tidak memasuki ladang / premis berkenaan.
 - Tidak membenarkan pekerja tinggal di ladang / premis berkenaan.
- Kegagalan untuk mematuhi perintah ini boleh menyebabkan tuan / puan dikenakan tindakan undang-undang. Oleh itu kerjasama dari tuan / puan bagi mematuhi perintah ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Bilangan unggas dimusnahkan:

BIL	JENIS	BILANGAN
1	Ayam	
2	Itik	
3	Puyuh	
4	Burung	
5	Telur	
6	Lain-lain (nyatakan)	

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR.)
 Pengarah Perkhidmatan Veterinar
 Negeri.....

AKUAN PENERIMA
 Saya No. K/P sebagai pemilik / wakil ladang
 dengan ini mengakui telah menerima perintah penahanan
 sementara ini pada jam am/pm.
 (.....)

TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA
 SERVING YOU IS OUR BUSINESS

Perintah Larangan Pemindahan – Radius 5km (Tampal)

 KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI BLOK PODIUM 4G1, WISMA TANI, PRESINT 4, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA	 Telefon : 03-8870 2000 Faks : 03-8888 6021 Email : pro@dvs.gov.my
Ruj. Kami :PKPP/197/720/10/3(45) KAWASAN LARANGAN PEMINDAHAN BINATANG, BURUNG ATAU KARKAS Adalah dimaklumkan bahawa kawasan ini merupakan kawasan kawalan penyakit Selesema Burung. Sehubungan dengan itu semua pemindahan keluar dan masuk semua jenis binatang, burung atau karkas dari ladang / premis di kawasan ini adalah DILARANG kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perintah larangan ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh notis ini dikeluarkan sehingga satu tempoh yang akan diberitahu kelak. Kegagalan untuk mematuhi larangan ini boleh menyebabkan tuan / puan dikenakan tindakan undang-undang. Sekian, terima kasih. Dengan perintah, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Tarikh :		
TUGAS KAMI BERBAKTI UNTUK ANDA SERVING YOU IS OUR BUSINESS		

Lampiran G

Borang Repot Polis

(Borang POL 55)

Pada lebih kurang jamsaya
bersama orang pihak berkuasa Veterinar telah mengambil tindakan memusnahkan

sejumlah ekor unggas / bangkai unggas / kg.
bangkai/ unggas dengan cara tanam di

.....
.....

menurut seksyen 19 Akta Binatang 1953 (semakan-2006)

Sekian, laporan saya.

.....
Tandatangan Pengadu

SEKATAN JALAN RAYA (SJR)**1. Tujuan**

Menyekat pemindahan masuk, keluar atau masuk dan keluar burung, karkas atau burung dan karkas dari kawasan yang diwartakan sebagai kawasan berpenyakit AI.

2. Perundangan Berkaitan

- a. Akta Polis - Seksyen 26 Sekatan Jalan Raya A-127
- b. Akta Binatang (semakan 2006) - Seksyen 36, 67A, 68 dan 69.

3. Prosedur Pelaksanaan**a. Peringkat Perancangan**

- i. Mendapatkan maklumat lengkap mengenai kejadian wabak.
- ii. Menentukan lokasi SJR yang tepat untuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan.
- iii. Menentukan jenis (snap/statik) dan tempoh sekatan jalan raya.
- iv. Mendapatkan bantuan polis dan agensi lain yang berkaitan.
- v. Mengenal pasti bilangan anggota petugas
- vi. Penyediaan kemudahan asas SJR
 - Bilik gerakan bagi tujuan koodinasi maklumat dan perancangan berkesan (input / output maklumat SJR)
 - Peralatan SJR
 - Papan Tanda 'BERHENTI' & Segi tiga
 - Kon
 - Payung
 - Lampu
 - Baton Light
 - Meja & Kerusi
 - Buku Catatan
 - Peralatan Komunikasi
 - Walkie Talkie
 - Telefon Bimbit
 - Peralatan Keselamatan
 - Pakaian PPE

- Peralatan Mengambil Kes
 - Dokumen mengambil kes
 - Sangkar
- Kenderaan

vii. Memberikan taklimat / latihan kepada petugas.

viii. Persediaan Pengurusan Barang Kes

b. Peringkat Pelaksanaan

- i. Mendapatkan bantuan peralatan dari pihak polis dan DVS mengikut keperluan SJR menurut Akta Polis.
- ii. Mendapatkan bantuan dari pihak agensi kerajaan lain yang berkaitan untuk penubuhan SJR secara bersama.
- iii. Menyampaikan maklumat-maklumat berikut kepada petugas melalui bilik gerakan:-
 - a. Taklimat keselamatan dan jadual tugas sebelum bertugas.
 - b. Keperluan peralatan dan tanggungjawabnya.
 - c. Maklumat terkini mengenai aduan (jika ada), penyakit dan SJR.
 - d. Penggunaan kenderaan di SJR
 - e. Peralatan komunikasi dan pegawai yang boleh dihubungi.
 - f. Disiplin dan arahan larangan semasa bertugas.
 - g. Keselamatan petugas ketika menjalankan tugas.
 - h. Tindakan semasa berlakunya kecemasan.
 - i. Kebajikan petugas.
- iv. Mendirikan sekatan jalan raya di lokasi yang ditetapkan atau diputuskan bersama pihak polis.
- v. Prosedur Pelaksanaan operasi di sekatan Jalan Raya.
 - Arahkan kenderaan yang berkaitan berhenti di bahu jalan.
 - Periksa kenderaan berkenaan (rujuk kepada Tatacara Pemeriksaan Kenderaan - Lampiran I)
 - Rekodkan maklumat-maklumat lengkap konsaimen seperti di dalam Buku Rekod pemeriksaan yang disediakan.
 - Jika terdapat pelanggaran peraturan atau syarat yang ditetapkan, tindakan berikut perlu dijalankan. (rujuk kepada Tatacara Pemeriksaan Kenderaan - Lampiran I)

4. Aspek Lain Yang Perlu Diberi Perhatian

- i. Memastikan sekurang-kurangnya seorang petugas DVS berada di Post SJR sepanjang masa.
- ii. Menjalankan pemeriksaan rapi ke atas semua kenderaan
- iii. Sentiasa peka terhadap tanda-tanda yang menimbulkan keraguan dan kecurigaan.
- iv. Adakan rondaan pemantauan/ risikan dari masa ke semasa di sekitar kawasan SJR.
- v. Dapatkan maklumat tambahan / terbaru dan berhubung dengan cawangan negeri/jabatan/agensi berkaitan untuk tindakan bersama.
- vi. Wujudkan hubungan baik dengan “informer”.
- vii. Sentiasa memberikan keutamaan dari aspek keselamatan diri dan barang kes yang dirampas.

Lampiran I

TATACARA PEMERIKSAAN KENDERAAN**1. Prosedur Pelaksanaan****a. Proses Memeriksa Kendaraan Mengangkut Burung.**

- i. Mengucapkan salam sejahtera dan memperkenalkan diri dengan menunjukkan kad kuasa;
- ii. Bercakap dengan sopan dan memaklumkan tujuan untuk membuat pemeriksaan;
- iii. Sentiasa peka terhadap tanda-tanda yang menimbulkan keraguan dan kecurigaan;
- iv. Meminta enjin kenderaan dimatikan, mengarahkan pemandu turun dari kenderaan dan membuat pemeriksaan di hadapan pemandu;
- v. Merekodkan segala maklumat termasuk destinasi ternakan ke dalam buku rekod pemeriksaan SJR.
- vi. Mengesahkan dan membatalkan dokumen berkenaan setelah diperiksa.
- vii. Jika pemeriksaan yang dijalankan mendapati tiada apa-apa kesalahan, melepaskan kenderaan tersebut dan mengucapkan terima kasih & selamat jalan kepada pemandu.
- viii. Jika pemeriksaan mendapati kenderaan yang mengangkut burung memiliki dokumen kebenaran pemindahan tetapi melanggar syarat atau tiada apa-apa dokumen kebenaran pemindahan,

Tindakan berikut perlu dilakukan:

- a) **Proses pemeriksaan penuh dengan dokumen Akuan kebenaran**
 pindah masuk dan akuan kebenaran pindah keluar serta sijil kesihatan dilakukan dengan teliti mengenai perkara-perkara berikut:-
 - Tarikh dan masa perjalanan (tempoh sah laku permit)
 - Tuan punya burung dan alamat pemiliknya.
 - Nombor pendaftaran kenderaan
 - Jenis dan bilangan burung
 - Keadaan "Seal" lori
 - Tindakan mengambil kes dijalankan.

2. Masalah dan Penyelesaian

- a. **Kenderaan Pengangkut yang ditahan tidak berhenti**
 - Hubungi Balai Polis yang terdekat atau kereta Peronda Polis dan dapatkan bantuan
 - Membuat semakan di JPJ untuk mengesan nombor kenderaan dan pemilik
- b. **Tidak Memberi Kerjasama atau menghalang Pegawai berkuasa daripada menjalankan Tugas**
 - Dapatkan bantuan Polis atau bawa ke balai terdekat dengan kerjasama Polis untuk mendapatkan maklumat bagi tindakan lanjut.



Bahagian Penguatkuasaan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Wisma Tani, Blok Podium 1A, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630, Putrajaya.
Tel: 03-88702000 Faks: 03-88886643
www.dvs.gov.my